

MAHATHIR

1982

KUALA LUMPUR, 20 JUN (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PARA PEMIMPIN YANG DIPILIH DAN YANG TERPILIH MEMEGANG TERAJU PENTADBIRAN NEGARA ATAU PARTI MESTILAH BERKORBAN DIRI DEMI KEPENTINGAN RAKYAT, AGAMA DAN NEGARA.

MEREKA HENDAKLAH BEDAR BAHAWA KEDUDUKAN YANG MEREKA PEROLEHI ITU ADALAH ATAS SOKONGAN RAKYAT TERHADAP PARTI YANG DIDUKUNG DAN BUKANLAH KEJAYAAN DIRI SENDIRI, TEGAS PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KETUJUH UMNO BAHAGIAN SETAPAK DI SINI.

PEMIMPIN YANG TIDAK MAHU BERDAMPING DIRI SERTA MENGETAHUI MASAALAH RAKYAT TIDAK SEHARUSNYA MENONJOLKAN DIRI MENDAPAT TEMPAT DALAM PARTI KERANA RAKYAT AKAN TAHU +TELATAH+ MEREKA ITU DAN AKHIRNYA TIDAK AKAN MENDAPAT SOKONGAN DAN SETERUSNYA MEROSAKKAN NAMA PARTI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, SEBAGAI PEMIMPIN MEREKA HENDAKLAH BERKORBAN TANPA MENGIRA KEPENTINGAN DIRI SEMATA-MATA UNTUK RAKYAT, AGAMA DAN NEGARA. - BERSAMBUNG 1225/BW

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SEBENARNYA MEREKA YANG DIBERI TEMPAT ITU ADALAH +ALAT+ UNTUK MEMPERJUANGKAN SERTA MENGATASI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH RAKYAT DAN BUKANLAH DIBERI KUASA UNTUK BERMEGAH-MEGAHDENGAN KEDUDUKAN MEREKA ITU.

DENGAN ITU, BELIAU MENYERU MEREKA SUPAYA BEKERJA LEBIH KUAT SERTA MENGAMBIL TAHU PERGOLAKAN YANG DIHADAPI OLEH RAKYAT.

UMNO YANG KINI TELAH BERUSIA 36 TAHUN DAN NEGARA YANG TELAH PUN 25 TAHUN MENCAPAI KEMERDEKAAN, KEJAYAAN DEMI KEJAYAAN YANG DIPEROLEHI OLEH PARTI ITU MELALUI KERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI SAHABAT TELAH MEMBUKTI SOKONGAN RAKYAT TERHADAP PERJUANGANNYA, TAMBAH BELIAU.

+TETAPI JANGANLAH KITA LUPA, KEJAYAAN-KEJAYAAN YANG DIPEROLEHI ITU TERPAKSA MELINTASI BERBAGAI MASALAH DAN CABARAN,+ TEGAS BELIAU.

BAGAIMANAPUN, TEGAS BELIAU, SEMUA ITU DAPAT DIATASI DENGAN SEMANGAT YANG ADA PADA SEMUA AHLI UMNO YANG SEDIA BEKORBAN UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT, BANGSA, AGAMA DAN NEGARA. - BERSAMBUNG 1228/BW

B530  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU SEMUA AHLI UMNO KHASNYA UNTUK MERENUNG SEMULA SEJARAH PERJUANGAN UMNO SEJAK IA DITUBUHKAN PADA 1946 LALU.

KATANYA, TANPA BERSATUPADU DAN KERJASAMA ORANG-ORANG MELAYU PASTI UMNO TIDAK AKAN DAPAT WUJUD BAGI MENENTANG PERJUANGAN MALAYAN UNION YANG BERHAJAT UNTUK MENGHAPUSKAN KEISTIMEWAAN ORANG-ORANG MELAYU.

DENGAN BERSATUPADU ITU KEKUATAN ORANG-ORANG MELAYU DAPAT DIWUJUDKA

N  
SEHINGGA PIHAK BRITISH TERPAKSA MENGAKUINYA DAN MEMERDEKAKAN NEGARA INI DUA TAHUN LEBIH AWAL DARI TARIKH SEBENARNYA.

SEJAK DARI ITU UMNO TERUS BERKEMBANG DAN BERTAMBAH KUKUH TETAPI PERKEMBANGAN ITU DIIKUTI DENGAN BERBAGAI MASALAH DAN CABARAN.

DENGAN ITU PARA AHLI UMNO HENDAKLAH TERUS MENGEKALKAN SEMANGAT ASAL PERJUANGAN PARTI ITU DEMI KEPENTINGAN PARTI DAN RAKYAT, AGAMA DAN NEGARA.

BELIAU JUGA MENINGATKAN MEREKA YANG TIDAK BERPUASHATI DENGAN PARA PEMIMPIN YANG ADA SEKARANG SUPAYA MEMBUAT BANTAHAN MEREKA MELALUI SALURAN-SALURAN YANG TERDAPAT DALAM PERLEMBAGAAN PARTI ITU.  
- BERSAMBUNG 1235/BW

B531  
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA TERDAPAT JUGA KECACATAN PADA PERLEMBAGAAN UMNO DAN LANGKAH-LANGKAH SEDANG DIAMBIL UNTUK MENGEMASKINIKANNYA SEJAJAR DENGAN KEHENDAK MASA SEKARANG.

SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG TERTIB DAN AHLI-AHLI YANG TELAH PUN MAHIR DALAM POLITIK, BELIAU MENINGATKAN MEREKA SUPAYA MENGGUNAKAN KUASA YANG TERDAPAT DALAM PERLEMBAGAAN ITU UNTUK MENYUARAKAN PANDANGA  
N  
SERTA BANTAHAN MEREKA.

+SAYA TIDAK MAHU MELIHAT DAN DENGAR AHLI-AHLI KITA MENGHANTAR SURAT TIDAK MEMPUYAI TANDA TANGAN ATAU SURAT LAYANG ATAU PUN MEMBUAT BANTAHAN DI LUAR PERLEMBAGAAN DAN PERATURAN UNDANG-UNDANG,+ TEGAS BELIAU.

PERBUATAN INI BUKAN SAHAJA TIDAK AKAN MENDAPAT PERHATIAN MALAH TINDAKAN BAGI MEREKA YANG HENDAK DITUJUNYA JUGA TIDAK AKAN MEMBERI SEBARANG KESAN, UJAR BELIAU.

+KITA MEMPUYAI PERLEMBAGAAN, SEBAGAI SATU BANGSA YANG BERTERTIB SERTA BERSATUPADU, SEBARANG TINDAKAN YANG HENDAKLAH DIAMBIL JUGA HENDAKLAH MENGIKUT LUNAS-LUNAS TERTENTU,+ TAMBAH BELIAU LAGI.

- BERNAMA 1240/BW